

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor (UIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2024, Vol 7, Bil 1, Halaman 1-9

METODOLOGI *TAWJĪH* QIRAAT OLEH AL-BAGHAWĪ (W.561H) PADA PENTAFSIRAN SURAH AL-FATIHAH

The Methodology of Tawjīh Qiraat by al-Baghawī (d.561h) On the Interpretation of Surah al-Fatihah

Muhammad Ammar Farhan Ramlan^{1*}, Abur Hamdi Usman² & Mohd Faizulamri Mohd Saad³

¹ Jabatan Kenegaraan, Kepimpinan Dan Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

² Jabatan Dakwah Dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS)

³ Pusat Kajian al-Quran Dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

* Corresponding Author: Jabatan Kenegaraan, Kepimpinan Dan Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), 57000, Kuala Lumpur, Malaysia, ammarfarhan@upnm.edu.my, 018-9781774, ORCID iD: 0000-0002-9396-0523.

Artikel dihantar: 7 Mei 2024

Artikel diterima: 20 Jun 2024

Artikel diterbitkan: 29 Jun 2024

ABSTRACT

Knowing qiraat in terms of riwayat and tawjīh qiraat is an important condition for a mufasir when interpreting the verses of the Qur'an. The knowledge of qiraat is also one of the factors of difference in interpretation among mufasirin scholars. This shows that the science of recitation plays a very important role in the interpretation of the Qur'an, whether it expands the meaning, details the meaning, clears up ambiguity, explains unclear laws or so on. The concern of the difference between qiraat and tawjīh qiraat in the interpretation of the Qur'an among classical tafsir scholars is very high. On the other hand, contemporary tafsir scholars are less concerned and concerned about the difference in qiraat when interpreting the Qur'anic verse. Whereas qiraat is one of the sources of tafsir bi al-Ma'thūr. Therefore, the objective of this writing is to highlight the prominence of al-Baghawī as one of the classical mufasir who mastered the field of qiraat and tawjīh qiraat as quoted in the book Ma'ālim al-Tanzīl. Surah al-Fatihah is used as the focus of research to understand the method of qiraat and tawjīh qiraat recited by al-Baghawī. This study was implemented with a content analysis design. Ma'ālim al-Tanzīl's book of interpretation is the main source of data for the study and is supported by data from other sources such as books related to the debate in order to achieve the objectives that have been outlined. The results of the study found that al-Baghawī is a classic tafsir figure who is very concerned about the difference in qiraat when interpreting the verses of the Qur'an. His book of tafsir deserves to be used as the main reference in the debate on qiraat and tawjīh qiraat. It was also found that al-Baghawī highlighted the uniqueness of arguing tawjīh qiraat by using the method of al-Jam' bayna al-Atharī wa al-Qiyāsī which is a combination of explaining the meaning of qiraat and its argumentation with the narration of sanad and rasm mashaf as well as Arabic and qiyās methods.

Keywords

Methodology of tawjīh; tawjīh qiraat; al-Baghawī; ma'ālim al-Tanzīl; interpretation surah al-Fatihah



ABSTRAK

Mengetahui ilmu qiraat pada sudut riwayat dan *tawjīh* qiraat merupakan syarat penting bagi seorang mufasir ketika mentafsirkan ayat al-Quran. Ilmu qiraat juga merupakan salah satu faktor perbezaan pentafsiran dalam kalangan ulama mufasirin. Ini menunjukkan ilmu qiraat sangat berperanan dalam pentafsiran al-Quran sama ada ia meluaskan makna, memperincikan makna, menjernihkan kesamaran, menjelaskan hukum yang tidak jelas atau sebagainya. Keprihatinan perbezaan qiraat dan *tawjīh* qiraat pada pentafsiran al-Quran dalam kalangan ulama tafsir klasik adalah sangat tinggi. Sebaliknya, ulama tafsir kontemporari kurang mengambil berat dan prihatin terhadap perbezaan qiraat ketika mentafsirkan ayat al-Quran. Sedangkan qiraat merupakan salah satu sumber tafsir *bi al-Ma'thūr*. Oleh itu, objektif penulisan ini ialah menonjolkan ketokohan al-Baghawī sebagai salah seorang tokoh mufasir klasik yang menguasai bidang qiraat dan *tawjīh* qiraat seperti dinukilkan dalam kitab *Ma'ālim al-Tanzīl*. Surah al-Fatihah dijadikan sebagai fokus kajian bagi memahami metode qiraat dan *tawjīh* qiraat yang dinukilkan oleh al-Baghawī. Kajian ini dilaksanakan dengan reka bentuk analisis kandungan. Kitab tafsir *Ma'ālim al-Tanzīl* merupakan data sumber utama kajian serta disokong dengan data-data dari sumber lain seperti buku-buku yang berhubung dengan perbahasan demi mencapai objektif yang telah digariskan. Hasil kajian mendapati bahawa al-Baghawī merupakan seorang tokoh tafsir klasik yang sangat prihatin terhadap perbezaan qiraat ketika mentafsirkan ayat al-Quran. Kitab tafsir beliau layak dijadikan sebagai rujukan utama pada perbahasan qiraat dan *tawjīh* qiraat. Didapati juga, al-Baghawī menonjolkan keistimewaan penghujahan *tawjīh* qiraat dengan menggunakan metode *al-Jam' bayna al-Atharī wa al-Qiyāsī* iaitu gabungan antara menjelaskan makna qiraat serta penghujahannya dengan riwayat sanad dan *rasm* mashaf serta kaedah bahasa Arab dan *qiyās*.

Kata kunci

Metodologi *tawjīh*; *tawjīh* qiraat; al-Baghawī; *Ma'ālim al-Tanzīl*; tafsir surah al-Fatihah

How to Cite: Ramlan, M. A. F., Abur Hamdi Usman, & Mohd Faizulamri Mohd Saad. (2024). METODOLOGI TAWJĪH QIRAAT OLEH AL-BAGHAWĪ (W.561H) PADA PENTAFSIRAN SURAH AL-FATIAH. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 7(1), 1–9.

DOI: <https://doi.org/10.53840/qiraat.v7i1.78>

1.0 PENDAHULUAN

Para ulama telah menggariskan kaedah yang terbaik dalam pentafsiran al-Quran. Kaedah ini merupakan kaedah secara berperingkat. Terdapat enam kaedah pentafsiran al-Quran secara berperingkat iaitu bermula dengan tafsir al-Quran dengan al-Quran, tafsir al-Quran dengan hadis, tafsir al-Quran dengan kata-kata sahabat, tafsir al-Quran dengan kata-kata tabi'in, tafsir al-Quran dengan bahasa Arab dan diakhiri dengan membuat kesimpulan makna ayat al-Quran serta mengeluarkan hukum (al-Khalidi, 2008).

Kaedah pertama iaitu tafsir al-Quran dengan al-Quran merupakan kaedah paling asas dan utama sebelum lima kaedah pentafsiran al-Quran digunakan. Kaedah pertama difahami dengan mentafsirkan sebahagian ayat al-Quran dengan sebahagian ayat al-Quran yang lain sama ada pada surah yang sama atau lain. Perlu diingatkan kaedah ini bukan kaedah tafsir al-Quran *bi al-Ma'thūr* (catatan turun menurun) kerana ia adalah kaedah pentafsiran ayat al-Quran dengan ayat al-Quran yang lain. Ayat al-Quran adalah Kalam Allah SWT yang terpelihara lagi *thābit* (tetap) serta tidak perlu kepada proses semakan kesahihan maklumat. Oleh itu, kaedah tafsir al-Quran *bi al-Ma'thūr* tidak termasuk dalam kaedah tafsir al-Quran dengan al-Quran (al-Khalidi, 2008).

Al-Khalidi (2008) menyenaraikan empat keadaan ayat al-Quran yang sesuai digunakan kaedah tafsir al-Quran dengan al-Quran iaitu tafsir ayat umum dengan ayat khusus, tafsir ayat *mujmal* dengan ayat *mubayyin*, tafsir ayat mutlak dengan ayat *muqayyad* dan tafsir ayat al-Quran dengan perbezaan qiraat. Oleh itu, fokus perbincangan penulis pada keadaan tafsir ayat al-Quran dengan perbezaan qiraat. Menjadi kewajipan bagi seorang mufasir untuk menjelaskan makna setiap perbezaan qiraat berserta penghujahannya. Perbahasan ini dinamakan sebagai *tawjīh* qiraat ('Abbas, 1997).



Tawjīh qiraat merupakan gabungan dua perkataan iaitu *tawjīh* dan qiraat. Definisi *tawjīh* dari sudut bahasa ialah kata terbitan bagi kata kerja *wajjah* *yuwajjihu tawjīh* dan berasal dari perkataan *al-Wajh* الوجه. Pelbagai maksud perkataan *al-Wajh* dalam bahasa Arab. Abū al-Qāsim al-Ḥusayn ibn Muḥammad ibn al-Mufaḍḍal atau dikenali sebagai al-Aṣfahānī (w. 502h) menerangkan bahawa asal perkataan *al-Wajh* membawa maksud anggota muka. Sebagai contoh pada surah al-Mā'idah [5] ayat 6, firman Allah SWT (al-Aṣfahānī, 1990):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ ...

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadap kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah **muka** kamu ...

Muḥammad ibn Mukarram ibn 'Alī ibn Aḥmad al-Anṣārī al-Ifriḳī al-Miṣrī Jamāl al-Dīn Abu al-Faḍl (w. 711h) atau popular dengan panggilan Ibn Manẓūr (1992) turut menjelaskan di antara maksud *al-Wajh* ialah *al-Naw'* (bahagian). Sebagai contoh, *'alā arba'ah awjuh* (di atas empat bahagian) atau *wujūh al-Qur'ān ma'ānīh* (setiap bahagian al-Quran ada maknanya). Selain itu, *al-Wajh* juga bermaksud *al-Nāḥiyah* (arah). Sebagai contoh pada surah al-Qaṣaṣ [28] ayat 22, firman Allah SWT:

وَلَمَّا تَوَجَّهَ تِلْقَاءَ مَدْيَنَ قَالَ عَسَى رَبِّي أَن يَهْدِيَنِي سَوَاءَ السَّبِيلِ

Maksudnya: Dan setelah ia (meninggalkan Mesir dalam perjalanan) **menuju** ke negeri Madyan, berdoalah ia dengan berkata: "Mudah-mudahan Tuhanku menunjukkan jalan yang benar kepadaku,"

Tambahan lagi, *al-Wajh* bermaksud *al-Qaṣd* (tujuan). Sebagai contoh, *wajh al-Kalām* (ucapan yang mempunyai tujuan). Berdasarkan daripada beberapa definisi *tawjīh* dari sudut bahasa yang dikemukakan, penulis berpandangan bahawa definisi *al-Wajh* yang bersesuaian dengan perbincangan *tawjīh* qiraat ialah *al-Qaṣd* (tujuan). Manakala, definisi *tawjīh* pada sudut istilah ialah sesuatu ucapan yang mempunyai pelbagai halatuju dari sudut makna serta bukti (Nukri, 2000).

Adapun definisi qiraat dari sudut bahasa ialah perkataan jamak bagi perkataan *qirā'ah* (bacaan). Ia adalah kata terbitan bagi perkataan perbuatan *qara'a* (baca). Perkataan seerti bagi *qara'a* ialah *talā* (al-Fairūzābādī, 2005). Makna lain bagi *qara'a* ialah *al-Jam'* (mengumpul). Dinamakan al-Quran kerana terkumpulnya surah-surah di dalam mashaf al-Quran (Manẓūr, 1992). Definisi qiraat dari sudut istilah ialah sebuah ilmu yang mengetahui cara menyebut kalimah-kalimah al-Quran serta perbezaannya dengan menisbahkan bacaan tersebut kepada perawi (al-Jazari, 2010). Oleh itu, definisi ilmu *tawjīh* qiraat ialah sebuah ilmu yang membahaskan tentang makna perbezaan qiraat serta membongkarkan maknanya dengan kaedah bahasa Arab (al-Ḥarbī, 1996).

2.0 BIOGRAFI AL-BAGHAWĪ

Nama penuh al-Baghawī ialah Abū Muḥammad al-Ḥusayn bin Mas'ūd ibn Muḥammad. Beliau merupakan seorang Imam, *al-Ḥafīẓ*, *al-Faqīh*, *al-Mufasssir* dan *al-Muḥaddith*. Beliau dikenali dengan panggilan al-Farrā' al-Baghawī. Gelaran al-Farrā' merujuk kepada pekerjaan beliau sebagai menjual bulu binatang. Penisbahan al-Baghawī pula ialah merujuk kepada negeri kelahiran beliau iaitu Baghsyūr atau Bagh di Khurasan. Kawasan Khurasan ini di antara dua bandar iaitu Harāt dan Marwu al-Rawdh. Kedudukan bandar Harāt ini berada di negara Afghanistan pada masa kini. Gelaran beliau ialah *Muḥyī al-Sunnah* (menghidupkan sunnah Rasulullah SAW) kerana kepimpinan, kelebihan dan keilmuannya. Beliau juga digelar dengan gelaran *Rukn al-Dīn* (sandaran agama Islam) (al-Dhahabi, 1976; al-Khalidi, 2008).

Tarikh lahir beliau tidak dapat ditentukan oleh para ulama akan tetapi beliau dilahirkan selepas tahun 433 hijrah, kurun kelima hijrah (al-Khalidi, 2008). Beliau meninggal dunia pada umur 80 tahun ke atas. Para ulama



berselisih pendapat pada menentukan tahun beliau meninggal dunia. Al-Dhahabī (1976) berpendapat al-Baghawī meninggal dunia pada 510 hijrah. Al-Khalidi (2008) menyatakan pendapat yang tepat ialah pada tahun 516 hijrah.

Al-Baghawī merupakan salah seorang ulama salaf yang berpegang teguh kepada al-Quran dan sunnah (Syahbah, 1986). Mazhab fikah al-Baghawī ialah mazhab Syafii. Kehidupan al-Baghawī disibukkan dengan menuntut ilmu bersama para ulama sama ada di negeri kelahiran beliau dan juga bermusafir ke negeri lain sehingga beliau menguasai kepelbagaian bidang ilmu. Ketokohan dan keilmuan beliau lebih menonjol pada tiga bidang ilmu iaitu ilmu tafsir, hadis dan fikah. Di antara kitab penulisan beliau yang masyhur dalam bidang tafsir ialah tafsir *Ma'ālim al-Tanzīl*, bidang hadis seperti kitab *Sharḥ al-Sunnah* serta *Maṣābiḥ al-Sunnah* dan bidang fikah seperti kitab *al-Tahdhīb* (al-Khalidi, 2008).

3.0 METODOLOGI TAFSIR MA'ĀLIM AL-TANZĪL

Al-Baghawī menulis sebuah kitab tafsir yang berjudul *Ma'ālim al-Tanzīl*. Sebahagian ulama menyebut tafsir *Ma'ālim al-Tanzīl* dengan panggilan *Tafsir al-Baghawī* (Sharif, 1986). Tafsir *Ma'ālim al-Tanzīl* merupakan kitab tafsir yang lengkap pentafsirannya bermula dari surah al-Fatihah sehingga surah al-Nas. Perbahasan tafsir yang dinukilkan oleh al-Baghawī adalah perbahasan secara sederhana. Al-Baghawī menggunakan pendekatan ini adalah bertujuan untuk mengelak daripada perbahasan yang panjang lagi membosankan. Memadai dengan menjelaskan makna serta membongkar tujuan sesuatu ayat al-Quran. Ini bertepatan dengan nama kitab tafsir beliau tafsir *Ma'ālim al-Tanzīl*, iaitu penerangan kitab Allah SWT serta menjelaskan makna ayat-ayat-Nya (al-Ghafūr, 1980).

Secara asas, metodologi tafsir *Ma'ālim al-Tanzīl* yang digunakan oleh al-Baghawī ialah tafsir *al-Atharī al-Nazarī* iaitu menggabungkan metode tafsir al-Quran *bi al-Ma'thūr*, kaedah bahasa Arab serta mengeluarkan hukum berdasarkan pemerhatian daripada sumber-sumber *al-Ma'thūr*. Al-Baghawī sangat mengutamakan pentafsiran ayat al-Quran dengan ayat al-Quran yang lain. Setelah itu, pentafsiran ayat al-Quran dengan hadis Rasulullah SAW. Kemudian, pentafsiran ayat al-Quran dengan kata-kata sahabat serta tabiin. Dengan erti lain, al-Baghawī menggunakan gabungan metode *al-Ma'thūr* (riwayat) dan *al-Ra'yi* (pandangan akal) dalam pentafsiran beliau (al-Khalidi, 2008).

Al-Baghawī juga sangat prihatin terhadap perbezaan qiraat ketika mentafsirkan ayat al-Quran sama ada perbezaan *uṣūl* qiraat¹ dan *farsh al-ḥurūf*². Di antara sumber rujukan utama al-Baghawī pada ilmu qiraat ialah kitab *al-Ghāyah* oleh Abū Bakr ibn al-Ḥusayn ibn Mihrān al-Naysabūrī (w. 381H) atau Ibn Mihrān. Beliau tidak sekadar menisbahkan perbezaan qiraat kepada *al-Qurrā'* semata-mata tetapi menjelaskan makna di sebalik perbezaan qiraat pada sesuatu ayat al-Quran. Penjelasan makna perbezaan qiraat ini dinamakan sebagai *tawjīh* qiraat. Namun, didapati *tawjīh* qiraat yang dibahas oleh al-Baghawī lebih tertumpu kepada qiraat *farsh al-Ḥurūf* yang memberi kesan terhadap pentafsiran al-Quran. Manakala, *tawjīh* qiraat pada *uṣūl* qiraat hanya sebahagian sahaja kerana ia tidak memberi kesan terhadap pentafsiran al-Quran (Ḥusayn, 2001).

Jika diteliti metodologi perbahasan *tawjīh* qiraat oleh al-Baghawī berbeza daripada tokoh tafsir yang lain, seperti Abū Ja'far Muḥammad ibn Jarīr al-Ṭabarī (w. 310h), Abū 'Abd Allāh Muḥammad ibn 'Umar ibn al-Ḥusayn Fakhr al-Dīn al-Rāzī (w. 606h) dan selainnya. Al-Baghawī menggunakan metodologi *al-Jam' bayna al-Atharī wa al-Qiyāsī* iaitu gabungan di antara menjelaskan makna qiraat serta penghujahannya dengan riwayat sanad dan *rasm* mashaf serta kaedah bahasa Arab dan *qiyās* (Sisi, 1991). Dua sumber utama *tawjīh* qiraat oleh al-Baghawī, iaitu pertama *athar* daripada para sahabat seperti Ibn 'Abbās dan Ibn Mas'ūd serta daripada para tabiin seperti Mujāhid, Sa'īd bin Jubayr dan selainnya. Sumber kedua, al-Baghawī mengambil pendapat daripada ulama bahasa, seperti Abū Zakariyyā' Yahyā ibn Ziyād al-Farrā' (w. 207), Abū al-Ḥasan Sa'īd ibn Mas'ada al-Mujāshī'ī (w. 215) atau dikenali sebagai Akhfash al-Awsaṭ, Abū Ishāq Ibrāhīm ibn Muḥammad ibn al-Sarī al-Zajjāj (w. 311h) dan selainnya. Al-

¹ Definisi dari sudut istilah ialah kaedah umum yang menyeluruh meliputi semua tempat dalam al-Quran seperti hukum *mīm al-Jam'*, *al-fath wa imālah* dan sebagainya (Amānī, 2007).

² Definisi dari sudut istilah ialah hukum khusus bagi sebahagian kalimah al-Quran yang disepakati atau terdapat perbezaan bacaan dan kebiasaannya ia membawa kepada perbezaan makna kalimah tersebut (al-Mas'ūl, 2007).



Baghawī juga menggunakan metode *tarjīh* (mengutamakan) berserta penghujahannya ketika membahaskan *tawjīh* qiraat (Husayn, 2001).

4.0 PENGENALAN SURAH AL-FATIHAH

Al-Baghawī telah memulakan pentafsiran surah al-Fatihah dengan dua perkara iaitu nama lain bagi surah al-Fatihah dan kategori surah sama ada surah *makkiyah* atau *madaniyyah*. Perkara pertama, surah al-Fatihah mempunyai nama lain iaitu *Fātiḥah al-Kitāb*, *Umm al-Qurʿān* dan *al-Sabʿ al-Mathānī*. Setiap nama tersebut didatangkan hujahnya seperti dinamakan surah ini dengan nama *Fātiḥah al-Kitāb* adalah kerana Allah SWT telah memulakan mashaf al-Quran dengan surah al-Fatihah (Al-Baghawī, 2021).

Perkara kedua, ulama berbeza pendapat pada menentukan surah ini sama ada surah *makkiyah* atau *madaniyyah*. Al-Baghawī berpegang dengan pendapat bahawa surah ini adalah surah *makkiyah* kerana bertepatan dengan nama lain bagi surah ini ialah *al-Sabʿ al-Mathānī* (tujuh ayat yang diulang-ulang). Perkataan *al-Sabʿ al-Mathānī* disebut pada surah al-Hijr [15] ayat 87. Ulama bersepakat bahawa surah al-Hijr merupakan surah *makkiyah*. Maka, dapat difahami bahawa surah al-Fatihah adalah surah *makkiyah* kerana ia turun lebih awal daripada surah al-Hijr (Al-Baghawī, 2021).

Al-Baghawī turut menjelaskan kelebihan surah al-Fatihah. Penjelasan ini bukan pada awal pentafsiran surah al-Fatihah akan tetapi pada pengakhiran pentafsiran sebelum memasuki pentafsiran surah al-Baqarah. Ini merupakan metodologi yang berlainan yang ditonjolkan oleh al-Baghawī dalam pentafsiran beliau. Terdapat tiga hadis yang dinyatakan. Dua hadis daripada riwayat Muslim dan satu hadis daripada riwayat al-Tirmidhī (Al-Baghawī, 2021)

5.0 METODE TAWJĪH QIRAAT SURAH AL-FATIHAH DALAM TAFSIR MAʿĀLIM AL-TANZĪL

Didapati al-Baghawī (2021) telah mendatangkan perbahasan perbezaan qiraat pada surah al-Fatihah sebanyak 4 kalimah iaitu *māliki* ملك, *al-Raḥīm maliki* الرحيم ملك, *al-Ṣirāt* الصراط dan *ʿalayhim* عليهم. Dua daripadanya perbezaan qiraat pada sudut *uṣūl* qiraat iaitu kalimah *al-Raḥīm maliki* الرحيم ملك dan *ʿalayhim* عليهم. Dua yang berbaki merupakan perbezaan qiraat pada *farsh al-Huruf* iaitu kalimah *māliki* ملك dan *al-Ṣirāt* الصراط.

Setelah penelitian dibuat, didapati metode *tawjīh* qiraat *al-Jamʿ bayna al-Atharī wa al-Qiyāsī* surah al-Fatihah digunakan pada kalimah *māliki* ملك dan kalimah *al-Ṣirāt* الصراط. Kalimah *ʿalayhim* عليهم pula menggunakan metode *tawjīh* qiraat *al-Qiyāsī*. Manakala, kalimah *al-Raḥīm maliki* الرحيم ملك pula didapati tiada penjelasan *tawjīh* qiraat hanya penjelasan perbezaan riwayat qiraat sahaja (Al-Baghawī, 2021).

Penulis hanya memfokuskan perbahasan *tawjīh* qiraat pada dua kalimah sahaja iaitu kalimah *māliki* ملك dan kalimah *al-Ṣirāt* الصراط sebagai contoh memahami metode *tawjīh* qiraat oleh al-Baghawī dalam pentafsiran beliau. Perbahasan *tawjīh* qiraat yang pertama pada kalimah *māliki* ملك. Sebelum perbahasan *tawjīh* qiraat dibahas, al-Baghawī telah menjelaskan perbezaan qiraat dari sudut riwayat dengan menisbahkan perbezaan qiraat kepada *al-Qurrāʾ*. Al-Baghawī (2021) berkata:

{مالك يوم الدين} قرأ عاصم والكسائي ويعقوب {مالك} وقرأ الآخرون {ملك}

{*Māliki yawmi al-Dīn*} ‘*Āsim, al-Kisāʾī*’ dan *Yaʿqūb* membaca {*Māliki*} (*ithbāt alif*). Dan yang lain (*al-Bāqūn*) membaca {*maliki*} (*hadhf alif*).



Perbezaan qiraat ini merupakan perbezaan di antara *ithbāt* dan *hadhf* pada huruf alif. Penisbahan riwayat qiraat oleh al-Baghawī ini bertepatan dengan penisbahan yang disebut oleh Ibn al-Jazarī (w. 833h) seperti yang direkodkan dalam kitabnya *al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr*. Akan tetapi, didapati al-Baghawī tidak menyebut seorang imam qiraat pada qiraat *māliki* ملك (*ithbāt* alif) iaitu Khalaf. Ibn al-Jazarī (2002) berkata:

اختلفوا في {مالك يوم الدين} فقرأ عاصم، والكسائي، ويعقوب، وخلف بالألف مدا، وقرأ الباقون بغير ألف قصرا.

Mereka berbeza pada (bacaan) {*Māliki yawmi al-Dīn*}. Maka 'Āsim, al-Kisāī, Ya'qūb dan **Khalaf** (membaca) dengan alif panjang. Al-Bāqūn membaca dengan tanpa alif pendek.

Setelah itu, al-Baghawī menyebut perbincangan *tawjīh* qiraat dengan empat penghujahan. Perlu diketahui, perbezaan qiraat *māliki* ملك ini merupakan penjelasan kategori *tawjīh al-Ṣarfī*³. Qiraat *māliki* ملك (*ithbāt* alif) merupakan *ism fā'il* daripada perkataan *malika milka*. Manakala, qiraat *maliki* ملك (*hadhf* alif) merupakan daripada *wazan fa'ila* فَعِلْا (Muḥaysin, 2003).

Hujah pertama, makna pada kedua-dua perbezaan qiraat *māliki* (*ithbāt* alif) dan *maliki* (*hadhf* alif) adalah makna yang sama iaitu *al-Rabb* (Tuan). Ia seperti perbezaan qiraat pada kalimah *fāriḥīn* dan *fāriḥīn*, *ḥādhirīn* dan *ḥādhirīn*. Al-Baghawī (2021) berkata:

قال قوم: معناهما واحد مثل فرحين وفارحين، وحذرين وحاذرين ومعناهما الرب يقال رب الدار ومالكها

Sesuatukah berkata: Makna kedua-duanya (qiraat) adalah satu (sama) seperti *fāriḥīn* dan *fāriḥīn*, *ḥādhirīn* dan *ḥādhirīn*. Makna kedua-duanya (qiraat) adalah Tuan. Seseorang berkata: "Tuan rumah dan pemiliknya".

Hujah kedua, *al-Mālik* dan *al-Malik* ialah Maha Kuasa di atas mencipta daripada tiada kepada ada dan tiada sesiapa yang berkuasa ke atasnya (ciptaan) melainkan Allah SWT. Al-Baghawī (2021) berkata:

وقيل: المالك والملك هو القادر على اختراع الأعيان من العدم إلى الوجود ولا يقدر عليه أحد غير الله

Dikatakan: *al-Mālik* dan *al-Malik* adalah Maha Kuasa di atas penciptaan yang mulia daripada tiada kepada ada dan tiada sesuatu kuasa ke atasnya (penciptaan) melainkan Allah SWT.

Hujah ketiga, al-Baghawī menukulkan pandangan daripada Abū 'Ubaydah dengan menyebut bahawa *mālik* lebih luas maknanya. Ini kerana apabila ingin menyebut bahawa dia adalah empunya kepada sesuatu maka seseorang akan berkata *mālik al-'Abd* (tuan kepada hamba) atau "*mālik al-Ṭayr*" (tuan kepada burung). Seseorang tidak berkata *malik hadhi al-Ashyā'* (empunya sesuatu). Oleh kerana itu, seseorang yang memiliki (*malik*) sesuatu ia adalah pemilik (*mālik*). Al-Baghawī (2021) berkata:

³ Iaitu mengetahui makna perbezaan qiraat dengan merujuk kepada perbezaan struktur kalimah (ilmu morfologi) seperti perbezaan qiraat di antara kalimah *maṣdar* dan *ism al-Fā'il*, kalimah *ism al-Fā'il* dan *ism al-Maf'ūl* dan sebagainya ('Abd al-Karīm, Hādī Ḥusayn, 2012)



قال أبو عبيدة: مالك أجمع وأوسع لأنه يقال مالك العبد والطير والدواب ولا يقال مَلِكُ هذه الأشياء. ولأنه لا يكون مَالِكًا لشيء إلا وهو يَمْلِكُهُ، وقد يكون مَلِكُ الشيء ولا يَمْلِكُهُ.

Abū 'Ubaydah berkata: (qiraat) Mālik lebih menyeluruh dan lebih luas (makna) kerana (apabila) seseorang berkata "tuan kepada hamba, burung dan binatang". Seseorang tidak berkata "empunya sesuatu ini". Oleh itu, tidak akan berlaku seorang pemilik pada sesuatu kecuali dia memilikinya (sesuatu). Dan (juga) berlaku (dia) memiliki sesuatu dan (pada masa yang sama) dia bukan pemiliknya.

Hujah terakhir, al-Baghawī menukilkan bahawa qiraat *malik* ملك (*ḥadhf alif*) bermaksud menguasai adalah qiraat yang lebih utama (*tarjīh*) berbanding qiraat *mālik* ملك (*ithbāt alif*) bermaksud pemilik. Ini kerana, seseorang yang menguasai sesuatu perkara sudah pasti dia memiliki perkara tersebut. Namun, seorang pemilik sesuatu perkara belum pasti menguasai dan memilikinya. Al-Baghawī (2021) berkata:

وقال قوم: مَلِكٌ أَوَّلَى لِأَنَّ كُلَّ مَلِكٍ مَلِكٌ وَلَيْسَ كُلُّ مَالِكٍ مَلِكًا وَلأنه أَوْفَقُ لِسَائِرِ الْقُرْآنِ مِثْلُ قَوْلِهِ تَعَالَى: {فَتَعَالَى اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ}، {الملك القدوس}.

Segolongan berkata: (bacaan) Maliki (ḥadhf alif) lebih utama kerana setiap (yang) menguasai itu (pasti) memiliki. Dan tidak setiap pemilik (itu) menguasai. Ini kerana ia bertetapan dengan firman Allah SWT: "Maka (dengan yang demikian) Maha Tinggilah Allah Yang Menguasai seluruh alam, lagi Yang Tetap Benar", "Yang Menguasai (sekalian alam); Yang Maha Suci"

Berdasarkan empat penghujahan *tawjīh* qiraat di atas, dapat difahami bahawa al-Baghawī telah menggabungkan dua metode iaitu *al-Atharī* dan *al-Qiyāsī*. Penghujahan *tawjīh* qiraat yang pertama sehingga ketiga merupakan metode *al-Qiyāsī* iaitu penghujahan makna qiraat dengan kaedah bahasa Arab. Penghujahan *tawjīh* qiraat yang keempat adalah metode *al-Atharī* iaitu penghujahan makna qiraat dengan ayat al-Quran. Didapati juga al-Baghawī menggunakan kaedah *tarjīh* pada perbezaan qiraat dengan memilih qiraat *malik* ملك (*ḥadhf alif*) lebih utama. Petikan *tarjīh* ini dapat dilihat pada hujah yang terakhir.

Seterusnya, perbincangan *tawjīh* qiraat pada kalimah *al-Ṣirāt*. Al-Baghawī (2021) telah menisbahkan tiga perbezaan bacaan qiraat kalimah *al-Ṣirāt* iaitu bacaan *al-Sīn* kepada riwayat Ruways daripada Ya'qūb, bacaan *ishmām* kepada imam Ḥamzah dan bacaan *al-Ṣhād* kepada seluruh *al-Qurrā'*. Al-Baghawī (2021) berkata:

{الصَّراطُ} وسراط بالسين رواه رويس عن يعقوب ... وقرأ حمزة بإشمام الزاي ... الصاد عند أكثر القراء ...

Al-Ṣirāt (dibaca) dengan al-Sīn (yang) diriwayatkan oleh Ruways daripada Ya'qūb ... Dan (imam) Hamzah (membaca) dengan ishmām al-Zay ... (bacaan) al-Ṣhād di sisi kebanyakan al-Qurrā' ...

⁴ Kebanyakan cetakan tafsir *Ma'ālim al-Tanzīl* menulis dengan ejaan أوس. Ia merupakan kesalahan ejaan. Ejaan yang tepat ialah رويس (al-Mahdi, 2000).



Perbezaan ketiga-tiga bacaan qiraat ini merupakan perbezaan kategori *tawjīh al-Ṣawtī*⁵.

Al-Baghawī telah menjelaskan *tawjīh* qiraat ketiga-tiga bacaan dengan menyatakan bahawa kesemua bacaan *al-Sīn* dan bacaan *ishmām* adalah bahasa yang tepat. Akan tetapi, asal sebutan kalimah ini ialah bacaan *al-Sīn* iaitu *al-Sirāt*. Ia dinamakan *al-Sirāt* kerana ia melalui jalan yang mudah. Al-Baghawī (2021) berkata:

{الصَّراطُ} وسراط بالسین رواه رويس عن يعقوب وهو الأصل، سمي سراطاً لأنه يسرط السَّابِلَة، ويقرأ بالزاي وقرأ حمزة بإشمام الزاي وكلها لغات صحيحة ...

{*Al-Ṣirāt*} dibaca dengan *al-Sīn* yang diriwayatkan oleh Ruways daripada Ya 'qūb merupakan (bacaan) asal. Dinamakan *sirāt* (jalan) kerana ia melalui jalan yang mudah. Dan dibaca juga dengan (bacaan) *al-Zay*. (Imam) Ḥamzah membaca dengan *ishmām al-Zāy*. Kesemuanya (qiraat adalah) bahasa yang tepat ...

Manakala *tawjīh* qiraat pada bacaan *al-Ṣhād* bagi seluruh *al-Qurrā'* ialah bertepatan dengan *rasm al-Muṣḥaf*. Ia bermaksud seluruh mashaf al-Quran yang disalin semula pada zaman Saidina 'Uthmān RA ditulis dengan huruf *al-Ṣhād*. Al-Baghawī (2021) berkata:

{الصَّراطُ} ... والاختيار: الصاد عند أكثر القراء لموافقة المصحف.

{*Al-Ṣirāt*} ... Dan terpilih: (bacaan) *al-Ṣhād* disisi keseluruhan *al-Qurrā'* kerana bertepatan (dengan rasm) *al-Muṣḥaf*.

Berdasarkan penghujahan *tawjīh* qiraat kalimah *al-Ṣirāt* di atas, dapat difahami bahawa al-Baghawī telah menggabungkan dua metode, iaitu *al-Atharī* dan *al-Qiyāsī*. Penghujahan *tawjīh* qiraat bacaan *al-Sīn* dan bacaan *ishmām al-Zay* merupakan metode *al-Qiyāsī*, iaitu penghujahan makna qiraat dengan kaedah bahasa Arab. Penghujahan *tawjīh* qiraat pada bacaan *al-Ṣhād* merupakan metode *al-Atharī* iaitu penghujahan makna qiraat dengan riwayat rasm al-'Uthmānī.

Jadual 1 dibawah adalah gambaran mudah bagi memahami metodologi *tawjīh* qiraat surah al-Fatihah pada kalimah *māliki* dan *al-Ṣirāt* yang dinukilkan oleh al-Baghawī dalam kitab tafsirnya *Ma'ālim al-Tanzīl*.

	Ayat	Perbezaan Qiraat	Penisbahan Al-Qurrā'	Kategori Tawjīh Qiraat	Metodologi Tawjīh Qiraat	Tarjīh Qiraat
Metodologi Tawjīh Qiraat surah al-Fatihah oleh al-Baghawī	4 (ملك)	Māliki (ithbāt alif)	'Āsim, al-Kisāi' dan Ya'qūb	Tawjīh al-Ṣarfī (Morfologi)	<i>al-Jam' bayna al-Atharī wa al-Qiyāsī</i>	malik ملك (ḥadhf alif)
		Maliki (ḥadhf alif)	Al-Bāqūn			
	6 (الصراط)	<i>al-Sirāt</i> (<i>al-Sīn</i>)	Ruways 'an Ya'qūb	Tawjīh al-Ṣawtī (Fonologi)	<i>al-Jam' bayna al-Atharī wa al-Qiyāsī</i>	Tiada
		<i>Ishmām al-Zāy</i>	Ḥamzah			
		<i>al-Ṣirāt</i> (<i>al-Ṣhād</i>)	Al-Bāqūn			

Jadual 1. Metodologi *tawjīh* qiraat kalimah *māliki* dan *al-Ṣirāt* pada surah al-Fatihah oleh al-Baghawī (w. 561h)

⁵ Iaitu mengetahui makna perbezaan qiraat dengan merujuk kepada perbezaan sebutan pada sesuatu kalimah (ilmu fonologi) seperti perbezaan sebutan hukum mad *munfaṣil*, mad *muttaṣil*, *fath*, *taqlīl*, *imālah* pada kalimah yang mempunyai *dhawāt al-Yā'*, sebutan kalimah *al-Ṣirāt* dan selainnya ('Abd al-Karīm, Hādī Ḥusayn, 2012).



6.0 KESIMPULAN

Hasil daripada pembacaan dan penelitian penulis mendapati bahawa al-Baghawī merupakan seorang tokoh mufasir klasik yang sangat prihatin terhadap perbezaan qiraat ketika mentafsirkan ayat al-Quran. Keprihatinan beliau sama ada pada sudut penisbahan perbezaan riwayat qiraat *mutawātir* kepada *al-Qurrā'* serta *tawjīh* qiraat dengan penjelasan dan penghujahan yang jelas. Al-Baghawī telah menonjolkan metode penghujahan *tawjīh* qiraat yang menarik dengan menggabungkan dua metode iaitu *al-Atharī* dan *al-Qiyāsī* agar dapat memahami makna sebenar perbezaan qiraat tersebut serta kesannya terhadap pentafsiran. Oleh itu, keistimewaan metode *tawjīh* qiraat yang ditonjolkan oleh al-Baghawī dalam kitab tafsirnya hendaklah dijadikan sebagai rujukan utama terutama dalam kalangan ulama tafsir kontemporari serta para pelajar bidang tafsir dan qiraat agar dapat memahami peranan perbezaan qiraat terhadap pentafsiran al-Quran.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada penyelia utama dan penyelia bersama yang sentiasa memberikan tunjuk ajar, cadangan serta bimbingan dalam menjayakan kajian ini.

RUJUKAN

- 'Abbas, F. H. (1997). *Itqan al-Burhan Fi 'Ulum al-Quran*. Amman, Jordan: Dar al-Furqan.
- 'Abd al-Karīm, Hādī Ḥusayn. (2012). *Muhadarat Fi Tawjih al-Qiraat*. Tanta, Mesir: Kuliah al-Quran, Universiti al-Azhar.
- al-Aṣḥānī, R. (1990). *al-Mufradāt fī gharīb al-Quran*. Damsyik: Dar Qalam.
- Al-Baghawī. (2021). *Ma'ālim al-Tanzīl*. Kaherah: Dar al-Salam.
- al-Dhahabi. (1976). *Al-Tafsir Wa al-Mufasirun*. Kaherah, Mesir: Maktabah Wahbah.
- al-Fairūzābādī, M. a.-D. (2005). *al-Qamūs al-Muḥīt*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Ghafūr, ' . ' . (1980). *Al-Baghawī Wa Manhajahu Fī Tafsīr*. Riyadh, Arab Saudi: Universiti Malik 'Abd al-Aziz.
- al-Ḥarbī, A. a.-'. (1996). *Tawjīh Musykil al-Qira'āt al-'Asyriyyah al-Farsyiyah Lughatan Wa Tafsiran Wa 'Iraban*. Makkah: Universiti Umm al-Qura.
- al-Jazari, I. (2006). *Ghayah an-Nihayah fī Tabaqal Al-Qurra*. Darul Kitab Al-'Ilmiyah.
- al-Jazari, I. (2010). *Munjid al-Muqriin Wa Mursyid al-Talibin*. Kaherah, Mesir: Dar al-Afaq al-'Arabiyyah.
- al-Khalidī, S. (2008). *Ta'rif al-Darisin bi Manahij al-Mufasirin*. Jeddah, Arab Saudi: Dar al-Qalam.
- al-Mahdi, A. a.-R. (2000). *Tahqiq Tafsir al-Baghawī*. Beirut, Lebanon: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi.
- al-Mas'ūl, A. a.-'. (2007). *Mu'jam Muṣṭalahat 'Ilm al-Qira'āt al-Qur'āniyyah*. Mesir: Dar al-Salam.
- Amānī. (2007). *al-Ūṣūl al-Nīrāt Fī al-Qira'āt*. Riyadh: Madār al-Waṭan Li al-Nasyr.
- Ḥusayn, Ṭ. M. (2001). *Manhaj al-Imam al-Baghawī Fi 'Ard al-Qira'at Wa Athar Dhalik Fi Tafsirih*. Arab Saudi: Universiti Umm al-Qurra'.
- Ibn al-Jazari, M. (2002). *Al-Nasyr Fī al-Qirā'āt al-'Asyr*. Tanta, Mesir: Dar al-Sahabah.
- Manzūr, I. (1992). *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dar Ṣādir.
- Muḥaysin, M. S. (2003). *Al-Muhadhdhab Fī al-Qirā'āt al-'Asyr*. Kaherah, Mesir: Maahad al-Azhar.
- Nukri, a.-A. (2000). *Jāmi' al-'Ulūm Fi Iṣṭilāḥāt al-Funūn*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Sharif, M. (1986). *Al-Baghawī al-Fara' Wa Tafsiruhu Li al-Quran al-Karim*. Kaherah: Universiti Kaherah.
- Sisi. (1991). *Ittijahat al-Mufasirin Fi Tawjih al-Qira'at*. Riyadh, Arab Saudi: Imam Mohammad Ibn Saud Islamic University.
- Syahbah, I. (1986). *Ṭabaqāt al-Syafi'iyah*. Beirut: Alim al-Kutub.